

06 FEB 2001

M'SIA-PERBANKAN ISLAM

BAHAGIAN PERBANKAN ISLAM AKAN DITINGKATKAN

KUALA LUMPUR, 6 Feb (Bernama) -- Malaysia akan mengusahakan lebih banyak produk di bawah lambang perbankan Islam untuk meningkatkan bahagian pasaran dalam industri perbankan, kata Bakarudin Ishak, pengarah Jabatan Perbankan Islam dan Takaful, Bank Negara Malaysia (BNM).

Dalam taklimat media di sini, hari ini, beliau berkata, adalah diharapkan bahagian produk perbankan Islam di dalam pasaran akan meningkat, dengan itu membolehkan bahagian itu meraih agihan pasaran lebih besar berbanding perbankan konvensional.

Beliau menyatakan, daripada segi pembiayaan, perbankan Islam Malaysia menguasai lima peratus bahagian pasaran manakala jumlah aset bahagian itu berjumlah lebih sedikit daripada enam peratus dan deposit sekitar lapan peratus daripada jumlah keseluruhan dalam industri.

Dalam taklimat media itu juga, pengarah urusan Bank Islam Malaysia Bhd (BIMB) Dato Ahmad Tajudin Abdul Rahman mengumumkan BIMB Institute of Research and Training Sdn Bhd (BIRT) akan menganjurkan Sidang Kemuncak Antarabangsa Kuala Lumpur bagi Perbankan dan Kewangan Islam di bawah naungan BNM dari 19 hingga 21 Februari ini.

Persidangan selama tiga hari itu akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Di antara 300 hingga 500 peserta daripada pengawal selia hinggalah kepada ahli akademik dijangka menghadiri sidang kemuncak itu. Daripada jumlah ini, 50 peratus dijangkakan daripada peserta tempatan.

Sidang kemuncak itu akan menyentuh mengenai usaha-usaha untuk menyelaraskan dan membawa perbankan Islam kepada sekurang-kurangnya sama tara dengan perbankan konvensional.

Ia juga akan membincangkan cara-cara untuk mencapai persefahaman berdasarkan kepada asas-asas global yang boleh diterima semua pihak bagi melaksanakan perbankan Islam sejajar dengan undang-undang syariah. --

BERNAMA

MFZ SEL ZK OS